

17 JUL, 2024

Sorok empat tahun!

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2



NORLELA (dua dari kiri) menunjukkan rampasan kepala lori kontena pada sidang media di Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Pelabuhan Utara di Pelabuhan Klang, semalam. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

Sorok empat tahun!

JKDM rampas 15 unit kepala lori kontena, sebuah lori tangki air

Oleh Ruwaida Md Zain
am@hmetro.com.my

Pelabuhan Klang

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah Unit II (Selangor) merampas 15 unit kepala lori kontena (*prime mover*) dan sebuah lori tangki air bernilai keseluruhan RM3.97 juta yang disimpan sejak empat tahun lalu di Zon Bebas di Pelabuhan Barat.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah Norlela Ismail berkata, rampasan dibuat hasil pemeriksaan terhadap gudang penyimpanan kenderaan itu, 3 Julai lalu.

"Pemeriksaan menemukan 15 unit *prime mover* dan satu unit lori tangki air

yang tidak mempunyai permit import yang disimpan selama empat tahun di lokasi berkenaan.

"Pengimport gagal mengemukakan permit import daripada Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (Miti) bagi kenderaan berkenaan," katanya pada sidang media di Pejabat Kastam Selangor Pelabuhan Utara, di sini, semalam.

Norlela berkata, kes disiasat di bawah Akta Kastam 1967 mengikut Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1967.

Pada serbuan berasingan 26 Jun lalu, kata beliau, pihaknya turut merampas

empat kenderaan import terpakai jenama BMW dan Audi bernilai keseluruhan RM533,400.

Beliau berkata, melalui Operasi Bersepadu antara Bahagian Perkastaman dan Penguatkuasaan, pihaknya memeriksa sebuah gudang berlesen dan sebuah premis di sekitar Lembah Klang.

"Hasil pemeriksaan ke atas sebuah gudang berlesen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kami menemukan tiga kenderaan yang disimpan melebihi tempoh yang dibenarkan di dalam gudang berlesen itu.

"Hasil pemeriksaan ke atas sebuah premis di Petaling Jaya, Selangor pula, menemukan sebuah lagi kenderaan yang didapati disimpan di sebuah kawasan parkir tanpa kebenaran JKDM," katanya.

Kata beliau, siasatan mendapati, syarikat berkaitan menyimpan tiga kenderaan di ruang tempat letak kenderaan yang tersorok di dalam gudang berlesen.

"Pihak terbabit juga menyimpan sebuah kenderaan di premis di luar gudang berlesen bagi mengelak kesan JKDM.

"Nilai kesemua kenderaan ialah RM160,000. Kes disiasat di bawah Akta Kastam 1967 mengikut Seksyen 135(1)(g) Akta Kastam 1967," katanya.

“
Pengimport
gagal
mengemukakan
permit import
daripada Miti
Norlela



17 JUL, 2024

Sorok empat tahun!

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

NORLELA (dua dari kiri) menunjukkan rampasan kepala lori kontena pada sidang media di Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Pelabuhan Utara di Pelabuhan Klang, semalam. - Gambar NSTP/FAIZ A N UA R

JKDM rampas 15 unit kepala lori kontena, sebuah lori tangki air

Pelabuhan Klang Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah Unit II (Selangor) merampas 15 unit kepala lori kontena (prime over) dan sebuah lori tangki air bernilai keseluruhan RM3.